



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**8 FEBRUARI 2023 (RABU)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**8 FEBRUARI 2023 (RABU)**

## Direktori Menu Rahmah diwujudkan

**KUANTAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mewujudkan direktori restoran yang menyediakan Menu Rahmah di seluruh negara.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, pada masa ini pihak KPDN sedang menge-nal pasti platform untuk meletakkan direktori restoran yang mempunyai Menu Rahmah.

"Setakat ini di Pahang sa-haja sebanyak tiga persatuan bekerjasama melaksanakan Menu Rahmah iaitu Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia (Pertom) dan Persatuan Pen-gusaha Restoran India Malaysia (Prisma).

"Kalau restoran mamak kita ada 12,500 buah, restoran tomyam tidak terkira dan restoran India ada sekitar 4,000 di Wilayah (Kuala Lumpur) sa-haja, kesemua ini akan diletak-kan dalam direktori itu," kata-nya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja di Restoran Nasi Ayam Papa, di sini semalam.

Fuziah berkata, kementerian mendapati program Menu Rah-

mah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara.

Justeru beliau berharap ia turut mendapat kerjasama daripada semua peniaga termasuk di medan selera, kopitiam dan kedai makan lain.

"Kita tahu ramai rakyat su-sah sekarang kerana kos sara hidup yang semakin meningkat bukan sahaja melibatkan ma-kanan, malah juga melibatkan kesihatan, tempat tinggal, ba-rangan keperluan, bil-bil, pen-didikan dan banyak lagi.

"Kementerian bertang-gungjawab akan sentiasa be-kerjasama dengan kementerian lain dan juga industri-industri untuk memastikan kos sara hidup dapat kawal," katanya.

Sementara itu, Fuziah mem-beritahu, KPDN menyasarkan jumlah pemilik francais di selu-ruh negara dapat ditingkatkan antara 20 hingga 30 peratus menjelang hujung tahun ini.

"Pahang ada sembilan pem-ilik francais dan 27 pemegang francais, paling terkini Nasi Ayam Papa yang menawarkan tiga bentuk pakej kepada pe-langgan," ujarnya.



FUZIAH (tiga dari kanan) semasa melawat Restoran Nasi Ayam Papa di Kuantan semalam.

## KPDN ambil tindakan jika harga sayur luar biasa

**KUANTAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan jika berlaku kenaikan luar biasa makanan berdasarkan sayur sehingga menyalahi Akta Kawalan Harga dan Antipencatuan 2011.

Menurut Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, pada ketika ini kenaikan harga sayur segar di pasaran dipantau sepenuhnya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFS).

"Kalau babitkan kenaikan harga sayur segar, ia berkaitan dengan MAFS, namun jika harga itu luar biasa, ia terjatuh (tertakluk) di bawah Akta Antipencatuan, yang itu dibawah kementerian (KPDN).

"Jadi, kalau harga luar biasa, dua perkara yang perlu dilihat iaitu pertama pengguna boleh tengok harga pada menu itu dan yang kedua kalau mahal sangat, pengguna boleh buat aduan dan penguat kuasa kita akan buat siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai rungutan orang ramai susulan kenaikan harga sayur di pasaran sejak minggu lalu semasa sidang akbar sempena lawatan kerja di sebuah restoran di Indera Mahkota, pada selasa.

Harga beberapa jenis sayur berdaun dan buah meningkat antara dua hingga tiga kali ganda berbanding harga sebelum Monsun Timur Laut.

Mengenai Menu Rahmah, Fuziah berkata, KPDN akan wujudkan direktori restoran yang menyediakan



Fuziah (tengah) menunjukkan Menu Rahmah iaitu nasi ayam di restoran Nasi Ayam Papa di Indera Mahkota ketika mengadakan lawatan kerja' pada Selasa.

hidangan tersebut di seluruh negara.

Ujar beliau, bagi tujuan itu, pihaknya sedang merangka untuk mewujudkan platform sendiri.

"Di Pahang, setakat ini ada tiga persatuan yang bekerjasama menjalankan Menu Rahmah iaitu Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia (PERTOM) dan Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIISMA).

"Kalau restoran mamak sahaja kita ada 12,500 buah, restoran tomyam tidak terkira, dan restoran India ada sekitar 4,000 di Wilayah (Kuala Lumpur) sahaja. Kesemua ini kita akan letakkan dalam direktori ini," jelas beliau.

Ujar Fuziah lagi, program itu kini

mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara.

Jelasnya, ia turut mendapat kerjasama daripada medan selera, kopitiam dan kedai-kedai makan lain.

"Kita tahu ramai rakyat susah sekarang kerana kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Kementerian bertanggungjawab akan sentiasa bekerjasama dengan kementerian lain untuk memastikan kos sara hidup dapat dikawal," kata dia.

Dalam pada itu, beliau berkata, inisiatif Menu Rahmah tersebut bukan hanya tertumpu kepada sektor makanan sahaja tetapi turut boleh melibatkan sektor-sektor lain seperti perubatan dan pendidikan bertujuan menangani kos sara hidup.

**Melaka:** Sebuah restoran yang terkenal dengan menu 'asam pedas viral' di Banda Hilir, di sini memilih untuk menyediakan Menu Rahmah sebagai usaha mengutamakan kebijakan berbanding mengutamakan keuntungan.

Dengan hidangan asam pedas beserta set nasi putih, sayur, telur masin dan air mineral, Restoran Asam Pedas Selera Kampung menyediakan juadah makan tengah hari itu dengan harga RM5, khusus untuk golongan berpendapatan rendah atau B40.

Saharudin Mohd Nor, 56, yang sudah 32 tahun berkecimpung dalam industri makanan berkata, dia berupaya menawarkan Menu Rahmah dengan kerjasama pembekal bahan mentah yang beliau sering beruruskan.

"Pada asasnya kita tercabar juga...mana boleh dapat harga set asam pedas sepinggan dengan air RM5? tetapi selepas berbincang dengan rantaian pembekal bahan mentah menerusi kumpulan WhatsApp, sebenarnya ia boleh dilakukan.

"Tapi ia tidak membabitkan keuntungan yang besar atau kerugian sebaliknya penyertaan Restoran Asam Pedas Selera Kampung di bawah program Menu Rahmah adalah sebahagian sumbangan kebijakan kepada pelanggan."

Saharudin

nya ia boleh dilakukan. "Tapi ia tidak membabitkan keuntungan yang besar atau kerugian sebaliknya penyertaan Restoran Asam Pedas Selera Kampung di bawah program Menu Rahmah adalah sebahagian sumbangan kebijakan kepada pelanggan," katanya selepas Sesi Pengenalan Program Menu Rahmah di sini, se-



SAHARUDIN (kiri) bersama Norena (tengah) menunjukkan Menu Rahmah yang disediakan di Restoran Asam Pedas Selera Kampung. - Gambar NSTP/AMIR MAMAT

malam.

Sesi pengenalan itu turut dihadiri Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Melaka Norena Ja-

afar.

Saharudin berkata tawa-

tih, telur masin, sayur dan air mineral pada harga RM5 sepinggan.

Beliau berkata, walaupun harga yang ditawarkan sangat rendah, namun kualiti makapan tetap diutamakan supaya pelanggan dapat menikmati keenakan masakan seperti sebelum ini.

Katanya sebagai contoh, bagi menu asam pedas ikan, beliau masih menggunakan ikan kembung tetapi saiznya sedikit kecil berbanding kebiasaannya.

"Kita tidak tahu lagi bagaimana sambutan Menu Rahmah (selepas ini) dan jika hebat, mungkin kita akan tambah...buat permulaan kita tawarkan kepada 100 pelanggan dahulu," katanya.

Beliau berkata Menu Rahmah itu ditawarkan pada setiap Isnin dan Khamis dan tiada had pembelian dikehendaki dan berharap usaha itu dapat membantu dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat khususnya golongan B40.



AYOB menunjukkan dua jenis makanan dalam Menu Rahmah yang ditawarkan kafeny di Seksyen 17, Shah Alam semalam.  
- MOHAMAD NAUFAL, MOHAMAD IDRIS

Tetap raih untung walaupun bahan mentah mahal  
**Menu Rahmah untuk pelajar, warga emas**

Oleh MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS

**SHAH ALAM** – Prihatin dengan kos sara hidup terutama pelajar universiti dan warga emas di bandar mendorong D’Hielo Cafe menyahut seruan kempen Menu Rahmah.

Pemilik kafe itu, Ayob Mohd. Khalid, 39, berkata, penyertaan mereka sejak seminggu lalu atas dasar tanggungjawab bagi mengurangkan beban perbelanjaan harian orang ramai.

Katanya, dia bersyukur kerana turut mendapat sokongan daripada isterinya, Nurul Ain Ibrahim, 36, sebaik cadangan bagi menyediakan menu tersebut di

kafe itu yang telah beroperasi sejak tiga bulan lalu.

“Dua menu tersebut adalah nasi putih ayam kunyit dan nasi bersama ikan kembung goreng serta taugeh goreng yang dijual RMS.

“Kebanyakan pelanggan yang beli makanan dalam menu ini adalah golongan pelajar universiti dan warga emas. Sudah tentu, kami gembira dapat membantu mereka menikmati juadah semurah itu,” katanya ketika ditemui di kafeny yang terletak di Seksyen 17, di sini, semalam.

Ayob memberitahu, secara purata berjaya menjual kira-kira 50 pinggan makanan dalam

Menu Rahmah itu setiap hari.

Tambahnya, walaupun berdepan kos bahan mentah yang tidak stabil, namun dia masih memperoleh keuntungan sedikit daripada dua makanan tersebut.

Ketika ditanya sama ada ini adalah strategi perniagaan, Ayob menjelaskan, perkara paling penting adalah bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat, terutama golongan B40.

“Rezeki itu akan sentiasa ada. Lagipun, saya merasakan banyak kedai atau restoran makanan akan turut menyertainya nanti kerana menggalakkan persaingan sihat,” ujarnya.



Mas Imran (kanan) menunjukkan antara 1,000 barang menerusi inisiatif Jualan Rahmah yang diperkenalkan KPDN di Econsave Taman Teratai, Johor Bahru.  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

# Jualan Rahmah dapat sambutan

**Rangkaian pasar raya catat kenaikan urus niaga 30 peratus**

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Barangan yang dijual menerusi inisiatif Jualan Rahmah mendapat sambutan hebat pengguna sehingga mencatat kenaikan jualan sebanyak 30 peratus sejak dilancarkan Disember lalu.

Pengurus Besar Econsave, Mas Imran Adam, berkata sambutan hebat itu diterima di 91 rangkaian pasar raya besar itu yang menjual 1,000 barang menerusi inisiatif Jualan Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Katanya, berikutan sambutan hebat masyarakat terhadap inisiatif itu sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina lalu, pihaknya akan melancarkan Jualan Rahmah Ramadhan dan Aidilfitri bulan depan.

"Sejak KPDN melancarkan Jualan Rahmah membabitkan 1,000 barangan yang dijual pada harga lebih rendah sehingga hampir 70 peratus di rangkaian pasar raya besar kami, sambutan diberikan masyarakat sangat hebat dan mengejutkan."

"Nilai jualan rangkaian pasar raya besar kami naik 30 peratus sejak Jualan Rahmah dilancarkan Disember lalu, berbanding jualan barang biasa."

"Antara barang Jualan Rah-

mah yang mendapat sambutan hebat masyarakat termasuk minyak masak botol lima kilogram (kg) yang dijual RM27.90, alat tulis dan kelengkapan sekolah (30 peratus diskau), sabun pencuci pakaian (27 peratus), lampin pakai buang bayi (21 peratus) serta susu bayi (14 peratus).

"Berikutnya sambutan hebat masyarakat terhadap Jualan Rahmah, Econsave akan meneruskan jualan 1,000 barang terpilih pada harga lebih murah khusus untuk Ramadhan dan Aidilfitri pula selepas ini," katanya ketika ditemui.

Ahad lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahudin Ayub, dilaporkan berkata

Jualan Rahmah akan terus diperluaskan ke lebih banyak pasar raya di seluruh negara.

Beliau dilaporkan berkata, setakat ini, pasar raya Econsave menjadi perintis kepada inisiatif yang diperkenalkan sejak bulan lalu dan disasarkan kepada semua lapisan masyarakat.

"Econsave melalui 91 rangkaiannya di seluruh negara menurunkan harga 1,000 barang, sekitar tiga peratus hingga 70 peratus. Minggu depan, saya akan lancarkan Jualan Rahmah di pasar raya besar lain pula," katanya.

Pasar raya Econsave menjadi perintis kepada inisiatif yang diperkenalkan sejak bulan lalu dan disasarkan kepada semua lapisan masyarakat.

Bulan lalu, KPDN melancarkan inisiatif Payung Rahmah bertujuan membantu golongan terkesan dengan lonjakan kos sara hidup merangkumi Paket Rahmah, Kafe Rahmah, Jualan Rahmah dan Bakul Rahmah.

Pelaksanaan empat fokus ini

statif Rahmah itu menyasarkan mahasiswa, kumpulan B40 dan miskin tegar.

#### Untung jangka panjang

Ditanya sama ada Jualan Rahmah menjekaskan keuntungan diperoleh Econsave, Mas Imran berkata, keuntungan jangka panjang terutama sokongan berterusan pengguna adalah lebih penting bagi memastikan jenama pasar raya mereka terus disokong.

Beliau mengakui margin keuntungan jualan menurun sedikit, namun jika sokongan pengguna terus meningkat, pasar raya itu mampu menyerap penurunan harga dengan lebih efektif.

"Majoriti pelanggan utama kami adalah golongan B40, apakah lagi kebanyakannya cawangan pasar raya terletak di pinggir bandar dan kawasan penempatan padat."

"Selain menyahut seruan kerajaan menerusi Jualan Rahmah, ini boleh dianggap sebagai tanggungjawab sosial Econsave bagi memastikan golongan B40 dapat terus berbelanja dengan harga murah, sekali gus meredakan bebanan mereka," katanya.

Sementara itu, peniaga kecil, Wan Mohd Alif Wan Mohd Yusof, 32, berkata beliau kini mempunyai lebihan wang berikutan barangan keperluan utama turun harga menerusi Jualan Rahmah.

"Bila ada inisiatif seperti Jualan Rahmah ini, golongan B40 dapat membuat penjimatkan antara 20 hingga 30 peratus perbelanjaan mereka."

"Bagi kami ia sangat bermakna kerana lebihan wang dapat disimpan dan digunakan untuk keperluan lain. Diharap inisiatif ini diteruskan dan diperluaskan bagi membantu golongan B40 meredakan bebanan kami," katanya.



MAS Imran (kanan) membantu kakitangan Econsave menyusun lampin pakai buang bayi yang menjadi antara barang dijual menerusi inisiatif Jualan Rahmah di Econsave Taman Teratai, Skudai, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

## Sambutan hebat Jualan Rahmah

**Johor Bahru:** Barang yang dijual menerusi inisiatif Jualan Rahmah mendapat sambutan hebat pengguna sehingga mencatut kenaikan jualan sebanyak 30 peratus sejak dilancarkan Disember lalu.

Pengurus Besar Econsave Mas Imran Adam berkata, sambutan hebat itu diterima di 91 rangkaian pasar raya besar itu yang menjual 1,000 barang menerusi inisiatif Jualan Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menurutnya, pihaknya akan melancarkan Jualan Rahmah Ramadan dan Aidilfitri bulan depan berikut sambutan hebat masyarakat

rakat terhadap inisiatif itu sepanjang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Sejak KPDN melancarkan Jualan Rahmah membabitkan 1,000 barang yang dijual pada harga lebih rendah sehingga hampir 70 peratus di rangkaian pasar raya besar kami, sambutan diberikan masyarakat sangat hebat dan mengejutkan."

"Nilai jualan rangkaian pasar raya besar kami naik 30 peratus sejak Jualan Rahmah dilancarkan Disember tahun lalu, berbanding jualan barang biasa."

"Antara barang Jualan Rahmah yang mendapat sambutan hebat masyarakat termasuk minyak masak botol lima kilogram (kg) yang

dijual RM27.90, alat tulis dan kelengkapan sekolah (30 peratus), sabun pencuci pakaian (27 peratus diskau), lampin pakai buang bayi dengan (21 peratus) serta susu bayi (14 peratus).

"Berikutan sambutan hebat masyarakat terhadap Jualan Rahmah, Econsave akan meneruskan jualan 1,000 barang terpilih pada harga lebih murah khusus untuk Ramadan dan Aidilfitri pula selepas ini," katanya.

Ahad lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub dilaporkan berkata, Jualan Rahmah akan terus diperluaskan ke lebih banyak pasar raya di seluruh negara.



A customer carrying two plates of food away from a stall offering the Rahmah Menu at a food court in Cyberjaya, on Monday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

#### TOUGH GOING

## SMALL TRADERS HARD HIT BY RAHMAH MENU

Not practical for them to offer the menu, says petty traders association head

#### KUALA LUMPUR

THE Rahmah Menu initiative could be a double-edged sword for small time food operators, said the Bumiputra Petty Traders Association.

Its president Datuk Seri Rosli Sulaiman said some even lost profits operating in the same food court as stalls supplying the menu.

Some small-scale food operators reported considerable losses in the first week of the launch of the menu.

He said the prices of food are going through the roof, and prices of some vegetables have gone up 100 per cent.

Rosli wanted the government to provide subsidies for food operators.

He also urged the government to maintain the RM 1,000 one-off grant to registered Micro, Small and Medium Enterprise companies mentioned in the 2023 Budget.

He hoped that local government agencies could reduce rentals for small businesses so they could weather the rising cost of foodstuff.

"The price of chicken now is RM9.30 per kg. If you want to implement the Rahmah Menu and your side dish is chicken, you'd have to cut it into 12 parts and that would cost you RM4 per part.

"If you add rice, that is RM2 and a beverage is RM1. That is already RM7. They would lose RM2," Rosli told the *New Straits Times*.

He said it was impractical for small food operators to join in the initiative and did not recommend it to small restaurants with a profit margin of less than RM150 per day.

A mixed rice stall operator in Bangsar, Kasira Mohd Zain, 52, said she has been operating at a loss now that she is 'competing' with the Rahmah Menu.

As the cost of food has increased, she said she had to charge RM8 for the same menu.

Kasira said she even had to charge her patrons for the *sambal belacan* as the cost of one kilogramme (kg) of chilli could go up to RM15.

Her predicament is shared by other small restaurant operators.

"If we were to implement the menu, it would be rice with *kembong* fish, vegetables and gravy, which would cost RM8.

"If their (Rahmah Menu operators) supplier can charge a low price, it's up to them because we really can't do it," Kasira said, adding that pricing the same menu at RM5 would result in no returns on her capital.

Kasira said the price of one *kembong* fish could go up to RM14.

"We cannot compete with large companies. I understand that due to inflation, people can't spend much so families would opt for the Rahmah Menu as it is cheaper. If you have five children, the menu would cost you only RM25."

Last week, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry launched the Rahmah Menu, which consists of a plate of rice, chicken or fish and vegetables priced at no more than RM5.

On Feb 1, the Consumers Association of Penang (CAP) said prices of several vegetables had gone up by more than 160 per cent last month.

CAP said the price of lady's fingers had gone up by 166 per cent from RM6 per kg to RM16 per kg.

Long beans had doubled in price from RM6 per kg to RM12 per kg, tomatoes from RM4.50 per kg to RM10 per kg, and eggplants from RM7 per kg to RM12 per kg.

The *New Straits Times* previously reported that poor weather and reduced production had led to an increase in vegetable prices, and should these factors persist, prices are expected to soar even higher during the Chinese New Year period.

Vegetables which are expected to see a price hike of between 20 per cent and 30 per cent are tomatoes, cucumbers, chilies, beans and capsicum.

Last month, it was reported that rough seas and weather due to the northeast monsoon had affected the number of fish landings and led to price increases.

## Pahang to launch Menu Rahmah initiative

**KUANTAN:** The Menu Rahmah initiative, which offers balanced, cooked meals for only RM5, will be launched in Pahang next week.

Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Senator Fuziah Salleh said engagement sessions are being held with parties involved, including the Malaysian Muslim

Restaurant Owners Association and Malaysian Tomyam Restaurant Owners Association in the state, adding that the ministry welcomes more food operators to take part in the programme.

Fuziah also said the ministry is identifying a suitable platform to display the directory of eateries

offering Menu Rahmah for public convenience.

Following the encouraging response to the initiative, the ministry welcomes any quarters who plan to initiate the Rahmah concept in other goods and services.

"We know many people are struggling to cope, and the cost of

living covers not only food but other aspects as well.

"The ministry is always ready to work with industry players or relevant parties in addressing the rising cost of living," she said after a visit to Restoran Nasi Ayam Papa in Indera Mahkota yesterday.

The restaurant, which has three

branches in Kuantan, was the latest business in Pahang to obtain a franchise licence from the ministry in November last year.

Fuziah said as of 2022, 1,166 franchisors from various sectors had registered with the ministry. Pahang has nine franchisors and 27 franchisees. - Bernama

# Menu Rahmah dan 'sayur omega'



SUARA  
MARHAEN

DR BUDIMAN MOHD ZOHD

**S**aya sebenarnya hanya hendak mencuba, atau lebih tepat lagi hendak tumpang merasa.

"Jangan bos, nanti jadi isu," kawan saya itu melarang.

"Kenapa pula?"

"Menu itu untuk B40. Utamakan mereka. Kalau orang macam bos pun pakat balun, susahlah."

Begitu? Dia fikir saya ini apa agaknya. Tahukah dia saya hanya M40 minus atau B40 plus? Tahukah juga dia, jangan kata orang macam saya, geng T20 pun kadang-kadang macam B40 juga. Lebih kerap tengok syiling daripada not ringgit.

Sebenarnya saya faham apa yang kawan saya itu maksudkan. Dia sekadar menunjukkan prihatinnya terhadap keberangkalan bawahan yang mendapat manfaat daripada program Menu Rahmah yang saya hendak cuba itu bukannya kelompok sasaran, tetapi golongan yang bijak mengambil kesempatan. Maklumlah pada dahi setiap orang bukannya ada cop dia daripada kumpulan T atau M atau B.

Penampilan tidak boleh dijadikan ukuran sebab ramai juga yang B40 pun

tetapi gayanya mengalahkan puak K (kayangan).

Dan sebab tidak ada cop di dahilah maka ada T20 atau M40 yang rembat rumah kos rendah yang diperuntukkan kepada B40. Atas sebab yang sama jugalah kadang-kadang ada pekerja asing dengan selambanya tumpang sekaki menikmati subsidi yang dikhushuskan untuk warganegara. Saya pernah jumpa seorang anak muda, gaya dan penampilan seratus peratus macam orang tempatan. Tetapi bila cakap Melayu berterburu macam orang baru keluar dari kawah air panas. Tetapi dia bukan setakat dapat beli minyak subsidi, anak dara tempatan tanpa subsidi pun dia angkuh sekali.

Berbalik pasal Menu Rahmah. Alhamdulillah, di mana-mana orang bercakap mengenainya. Ia usaha yang baik dan patut dipuji. Memang ada juga mulut-mulut nakal yang berkata, tidak ada apa istimewanya menu itu sebab mereka sememangnya telah 'makan menu Rahmah' setiap hari. Bagi saya, itu pandangan orang yang tidak pandai berterima kasih. Orang seperti itu tidak akan pupus sampai bila-bila pun.

Melayan mereka samalah seperti membaca berita tentang orang cerdik-cerdik kena tipu dengan 'scammer kasih sayang'. Sentiasa ada, tak habis-habis.

Selain memberi peluang kepada lebih ramai orang untuk menikmati makanan di luar dengan harga berpatutan, Menu Rahmah juga sebenarnya menjadi

cerminan pada kebenaran kata orang tua-tua, 'di mana ada kemauhan, di situ ada jalan'. Maksudnya, jika para peniaga serius hendak membantu pelanggannya menikmati makanan dan minuman dengan harga murah, mereka memang boleh melakukannya. Caranya memang ada.

Yang menjadi masalah adalah majoriti peniaga makanan hanya pandai mencari cara untuk menaikkan harga bukan mengurang atau menurunkannya.

Alasannya cukup banyak. Daripada kenaikan harga bahan mentah, kekurangan bekalan, upah pekerja yang tinggi dan bermacam-macam lagi.

Jangan hairan jika mereka menjadikan alasan jarak rumah mereka dengan pasar atau jarak premis perniagaan dengan sekolah anak sebagai faktor penyebab kenapa mereka perlu menjual dengan harga yang lebih mahal.

Untuk menjual pada harga yang lebih tinggi juga, selalunya pembeli 'dipaksa' membeli lebih daripada apa yang diperlukan. Porsi dibesarkan supaya harga boleh dilebihkan, sedangkan porsi yang sama boleh dibahagi dua atau dikecilkan lagi dan dijual pada harga yang lebih murah. Walaupun mereka tahu menjual pada porsi kecil dengan harga lebih murah itu boleh meningkatkan kuantiti jualan, namun ia tidak digemari kerana 'payah nak kaya'.

Kerajaan, pada hemat saya, boleh menjadikan Menu Rahmah sebagai asas kepada lebih banyak lagi usaha me-

wujudkan pakej-pakej Rahmah. Barang Runcit Rahmah, Ubat-ubatan Rahmah, Alat Solek Rahmah dan sebagainya.

Dalam keadaan sekarang ini yang patut disegerakan adalah pakej Sayur-sayuran Rahmah. Ia sangat sesuai dilancarkan dalam waktu terdekat.

Beberapa hari lepas Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) membuat naik di portal rasmi mereka perbandingan sayur-sayuran sebulan lalu, di mana ada yang meningkat sehingga lebih 160 peratus.

Antara contoh yang diberi adalah harga bendi yang sebelumnya RM6 se-kilogram, kini RM16 dengan berat timbangan yang sama. Meningkat 166 peratus. Harga kacang buncis daripada RM6 kepada RM12 (100 peratus) dan harga tomat daripada RM4.50 ke RM10 (RM120).

Sayur-sayuran lain pun khabarnya mengalami kenaikan juga sehingga ada yang berkata, lagi baik beli udang daripada beli sayur.

Tetapi itulah nasib pengguna. Selepas selesai masalah ayam dan telur, timbul pula masalah sayur. Pun begitu kita yakin kerajaan akan berusaha mengatasinya. Yang kita harap cuma satu, janganlah nanti tiba-tiba semua sayur bertukar jadi 'sayur omega' pulal....#dusli

\* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik dan bekas wakil rakyat.

**Padang Besar:** Pengusaha stesen minyak tidak bersubsidi di Padang Besar dan Wang Kelian di sini berharap langkah kerajaan mewajah melarang kenderaan berpendaftaran asing mengisi petrol RON95 dan diesel bersubsidi di Perlis bermula 1 Februari lalu dapat menghalang ketirisan subsidi minyak.

Selain itu, langkah berkenaan juga dapat meningkatkan kembali perniagaan mereka yang terjejas selepas pelaruan pandemik Covid-19.

Sebagai langkah alternatif, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) membenarkan setiap kenderaan berpendaftaran asing untuk mengisi petrol dan diesel tidak bersubsidi di dua stesen minyak di Zon Perindustrian Kampung Kolam, Padang Besar dan Wang Kelian.

Tinjauan mendapati pelbagai kenderaan berpendaftaran asing terutama dari

## LARANGAN KENDERAAN ASING ISI PETROL, DIESEL BERSUBSIDI

### Pemilik stesen minyak harap langkah sekat ketirisan



KENDERAAN bermotor pendaftaran Thailand mengisi minyak tanpa subsidi ketika tinjauan di Wang Kelian, Perlis. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR



MAZITA

Thailand berpusu-pusu menuju ke dua stesen minyak berkenaan untuk mengisi petrol dan diesel tidak bersubsidi manakala masih ada juga kenderaan tetap mengisi petrol, namun dari jenis RON97 di stesen minyak yang terdapat di sekitar Padang Besar.

Bagi pengusaha stesen minyak tidak bersubsidi di Zon Perindustrian Kampung Kolam, Padang Besar, Mazita Mohd Ismail, 47, langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan itu sangat bertepatan dengan objektifnya dalam memastikan subsidi diperuntukkan dapat dinikmati oleh rakyat di negara ini seperti direncanakan.

"Pada masa sama juga, ia diharapkan tidak disalahgunakan golongan yang tidak sepatutnya menikmati keistimewaan berkenaan dan ia juga berguna kepada kami selaku pengusaha stesen minyak tidak bersubsidi ini dalam memastikan langkah kerajaan dalam penjualan petrol dan diesel bersubsidi kepada kenderaan asing dapat dibendung," katanya.

## APMM rampas 80,000 liter diesel

**Kota Tinggi:** Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup keluar 80,000 liter diesel berdekatan ladang kelapa sawit di Sungai Lebam di sini, malam kelmarin.

Pengarah APMM Johor Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, berdasarkan maklumat risikan, pihaknya melakukan rondaan ki-

ra-kira jam 10 malam di perairan Sungai Lebam dan mengesan sebuah kapal tangki.

Beliau berkata, APMM menahan 10 lelaki terdiri daripada lapan kru kapal membabitkan dua warga Indonesia serta dua warga tempatan yang merupakan pemandu lori berusia 19 hingga 60 tahun.

"Ketika penahanan dibuat, kapal yang berdaftar

di Zanzibar, Tanzania itu dipercayai sedang memindahkan minyak.

"Bagaimanapun, apabila menyedari kehadiran APMM, kapal berkenaan cuba larik daripada agensi pengawat kuasa.

"Kita percaya sindiket ini menggunakan pam dan hos minyak sepanjang 600 meter untuk memindahkan diesel daripada lori tangki ke kapal," katanya. - Bernama

## Smuggling of RM3.6mil worth of subsidised diesel foiled

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**KOTA TINGGI:** An intercepted Tanzanian-registered vessel leaving Sungai Lebam near here was caught smuggling out more than RM3.6mil worth of subsidised diesel by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

Johor MMEA director First Admiral Nurul Hizam Zakaria said agency personnel were carrying out patrolling activities along Sungai Lebam waters when they spotted a vessel heading towards open waters at 10.05pm on Monday.

"Checks raised suspicion that it had just carried out a diesel transfer.

"The vessel, which had eight Indonesian crewmen, failed to show any documents about loading diesel believed to have been transferred from a tanker at a nearby location.

"We detained the vessel at around 11.45pm and brought it to the Pengerang maritime jetty for further investigations," he said yesterday.

Nurul Hizam said further inspections showed there were two tankers with a fuel pump and a 500m oil hose believed to be used in illegal oil transfer at an oil palm plantation factory.

"Tanker checks revealed that they had more than 80,000 litres of subsidised diesel prior to the transfer.

"Two local lorry drivers were detained for failing to show their licences; both admitted to driving from Seremban to the location, and they lacked proper documentation on possessing the controlled item," he said.

Nurul Hizam also said it was the second time a foreign-registered vessel has been detained in Malaysian waters.

On Jan 20, a vessel was detained for illegally anchoring some 1.5 nautical miles southeast of Teluk Ramunia in Johor waters.

Nurul Hizam said all the suspects, aged between 19 and 60, were being held to assist in investigations.

He said the case would be investigated under Section 491B (1) (K) of the Merchant Shipping Ordinance 1952, Regulation 18 of the Control of Supply (Amendment) Act 2021, Regulation 21 of the Control of Supply Regulations 1974, and the Customs Act 1967.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU  
TARIKH : 8/2/2023  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	<b>RM.99</b>	• Telur Gred A	<b>RM3.50</b>	• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>	• Cili Merah	<b>RM10</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM44.29</b>	• Ikan Kembung	<b>RM14.99</b>	• Bawang Besar Holland	<b>RM3.99</b>	• Kubis Tempatan	<b>RM3.80</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM55.80</b>	• Minyak Masak	<b>RM6.90</b>	• Bawang Putih	<b>RM4.99</b>	• Tepung Gandum	<b>RM3.30</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN |



---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**8 FEBRUARI 2023 (RABU)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Feb	Pasar raya catat kenaikan jualan 30 peratus Jualan Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1060871/pasar-raya-catat-kenaikan-jualan-30-peratus-jualan-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1060871/pasar-raya-catat-kenaikan-jualan-30-peratus-jualan-rahmah</a>	BH
8-Feb	Inisiatif Menu Rahmah diperluas di Pahang minggu depan	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2023/02/07/inisiatif-menu-rahmah-diperluas-di-pahang-minggu-depan/">https://malaysiaga-zette.com/2023/02/07/inisiatif-menu-rahmah-diperluas-di-pahang-minggu-depan/</a>	MALAYSIAGAZETTE
8-Feb	Lebih 30 laluan seludup barang kawalan, subsidi ke Thailand	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1060780/lebih-30-laluan-seludup-barang-kawalan-subsidi-ke-thailand">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1060780/lebih-30-laluan-seludup-barang-kawalan-subsidi-ke-thailand</a>	BH
8-Feb	Lebih 30 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933434/lebih-30-pangkalan-haram-di-sepanjang-sungai-golok">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/933434/lebih-30-pangkalan-haram-di-sepanjang-sungai-golok</a>	HM
8-Feb	Lebih 30 pangkalan haram dikesan aktif aktiviti penyeludupan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244061">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244061</a>	SH
8-Feb	KPDN akan wujudkan direktori restoran sedia Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.kosmo.com.my/2023/02/07/kpdn-akan-wujudkan-direktori-restoran-sedia-menu-rahmah/">https://www.google.com/amp/s/www.kosmo.com.my/2023/02/07/kpdn-akan-wujudkan-direktori-restoran-sedia-menu-rahmah/</a>	KOSMO
8-Feb	KPDN akan wujudkan direktori penyedia Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-wujudkan-direktori-penyedia-menu-rahmah-405446%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-wujudkan-direktori-penyedia-menu-rahmah-405446%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Feb	KPDN akan wujudkan direktori restoran tawar Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244084">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244084</a>	SH
8-Feb	KPDN ambil tindakan jika harga luar biasa - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244058">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244058</a>	SH

8-Feb	Fuziah: Menu Rahmah initiative to be launched in Pahang next week	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/07/fuziah-menu-rahmah-initiative-to-be-launched-in-pahang-next-week/53816">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/07/fuziah-menu-rahmah-initiative-to-be-launched-in-pahang-next-week/53816</a>	MALAYMAIL
8-Feb	Menu Rahmah di Pahang dilancar minggu hadapan	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/menu-rahmah-di-pahang-dilancar-minggu-hadapan-NH10605954">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/menu-rahmah-di-pahang-dilancar-minggu-hadapan-NH10605954</a>	THESUNDAILY
8-Feb	Menu Rahmah initiative to be launched in Pahang next week	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189817">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189817</a>	SH
8-Feb	Menu Rahmah   KPDN terbuka bincang, buka kepada sektor lain	<a href="https://www.astroawani.com/video-malaysia/menu-rahmah-kpdn-terbuka-bincang-buka-kepada-sektor-lain-2008384">https://www.astroawani.com/video-malaysia/menu-rahmah-kpdn-terbuka-bincang-buka-kepada-sektor-lain-2008384</a>	ASTROAWANI
8-Feb	Originally meant for the poor, Menu Rahmah becomes choice order as many tighten purse strings	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/originally-meant-for-the-poor-menu-rahmah-becomes-choice-order-as-many-tighten-purse-strings/53796">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/08/originally-meant-for-the-poor-menu-rahmah-becomes-choice-order-as-many-tighten-purse-strings/53796</a>	MALAYMAIL
8-Feb	Peniaga diseru sediakan Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244103">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244103</a>	SH
8-Feb	Kurangkan kos logistik, harga barang makanan dapat diturunkan – Fuziah	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/07/kurangkan-kos-logistik-harga-barang-makanan-dapat-diturunkan-fuziah/">https://malaysiagazette.com/2023/02/07/kurangkan-kos-logistik-harga-barang-makanan-dapat-diturunkan-fuziah/</a>	MALAYSIAGAZETTE
8-Feb	Pemasangan mesin pembungkusan retort diperluas	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061110/pemasangan-mesin-pembungkusan-retort-diperluas">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1061110/pemasangan-mesin-pembungkusan-retort-diperluas</a>	BH
8-Feb	Pemasangan mesin pembungkusan retort diperluas	<a href="https://www.facebook.com/214066990599/posts/pfbid0piJnheEX5Fg-PiRTA1qZVVC3Ym1denHZncDJy6Gv1AaCxnYxSxjsq4jVLtatYqkKI/?d=w&amp;mibextid=tejx2t">https://www.facebook.com/214066990599/posts/pfbid0piJnheEX5Fg-PiRTA1qZVVC3Ym1denHZncDJy6Gv1AaCxnYxSxjsq4jVLtatYqkKI/?d=w&amp;mibextid=tejx2t</a>	FB

8-Feb	FAMA diarah pantau kekurangan bekalan sayur - Mohamad Sabu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/fama-diarah-pantau-kekurangan-bekalan-sayur-mohamad-sabu-405451%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/fama-diarah-pantau-kekurangan-bekalan-sayur-mohamad-sabu-405451%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Feb	Kelantan Domestic Trade Ministry: 30 illegal smuggling bases identified along Sungai Golok	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/07/kelantan-domestic-trade-ministry-30-illegal-smuggling-bases-identified-along-sungai-">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/07/kelantan-domestic-trade-ministry-30-illegal-smuggling-bases-identified-along-sungai-</a>	MALAYMAIL
8-Feb	KPDN Kelantan pastikan	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2162437">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2162437</a>	BERNAMA
8-Feb	Dua lelaki mengaku bersalah miliki diesel lebih kuantiti	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/dua-lelaki-mengaku-bersalah-miliki-diesel-lebih-kuantiti/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/dua-lelaki-mengaku-bersalah-miliki-diesel-lebih-kuantiti/</a>	UM